



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## SIARAN MEDIA

### MESYUARAT MAJLIS PENASIHAT DAN PERUNDINGAN WARGA EMAS NEGARA BILANGAN 1 TAHUN 2019

---

1. Mesyuarat Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara Bilangan 1 Tahun 2019 telah dipengerusikan oleh YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada hari ini. Majlis ini diadakan sejurus penyerahan Watikah Pelantikan Ahli Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara bagi tempoh 1 Mac 2019 hingga 28 Februari 2021.
2. Mesyuarat kali ini juga melibatkan kehadiran pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Warga Emas Negeri (JPWEN). JPWEN ini ditubuhkan bagi menghubungkan pentadbiran persekutuan dan negeri dalam memastikan pelaksanaan Dasar Warga Emas Negara berjalan dengan lancar di semua peringkat.
3. Kertas-kertas makluman yang dibentangkan pada mesyuarat kali ini adalah seperti berikut:

#### **Tinjauan Kebangsaan Kesihatan & Morbiditi (NHMS) 2018: Kesihatan Warga Emas**

4. Objektif NHSM 2018 adalah untuk memperoleh bukti berasaskan data mengenai status kesihatan penduduk warga emas yang berumur 60 tahun ke atas di peringkat komuniti di Malaysia. Jumlah responden yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 3,542 warga emas.

5. Antara penemuan dalam tinjauan ini adalah mendapati sebanyak 8.5 peratus responden mengalami masalah dementia dan 9 peratus responden telah didera atau diabaikan.
6. Antara syor yang telah dipersetujui oleh Majlis adalah:
  - (i) Penggubalan undang-undang khusus untuk warga emas;
  - (ii) Kemudahan rawatan kesihatan mesra pengguna warga emas dan teknologi bantuan bagi memudahkan akses; dan
  - (iii) Kempen pencegahan penyakit dengan cara mengubah gaya hidup.
7. Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa dasar untuk menangani penuaan penduduk (aged society) akan dijadikan sebahagian daripada Rancangan Malaysia Ke-12 di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.

### **Inisiatif Bajet 2019: Pengurangan Kadar Caruman KWSP Bagi Ahli Berumur 60 Tahun Ke Atas**

8. Bagi menggalakkan peluang pekerjaan bagi rakyat Malaysia yang berumur 60 tahun ke atas, kerajaan telah melaksanakan caruman mandatori KWSP dikurangkan daripada 6 peratus kepada 4 peratus. Hasilnya menunjukkan peningkatan bilangan aktif yang mencarum berumur 60 tahun ke atas kepada 12 peratus sebanyak 29,479 orang dari Mei 2018 hingga Mei 2019.

### **Laporan Kemajuan Pelaksanaan Inisiatif untuk Warga Emas oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

#### **Rang Undang-Undang Warga Emas**

9. Mesyuarat Majlis bil. 1/2019 telah bersetuju untuk melaksanakan Rang Undang-Undang (RUU) Warga Emas bertujuan untuk melindungi kebajikan dan hak asasi warga emas, memperkasa warga emas, ahli keluarga dan komuniti serta mewujudkan sistem sokongan yang kukuh kepada warga emas dan penjaga. Pelaksanaan Kajian Kandungan dijangka akan bermula pada bulan Julai 2019.

## **Kajian Diagnostik bagi Membentuk Model Penjagaan Warga Emas Jangka Panjang Yang Bersepadu dan Mampan di Malaysia (Long-Term Care)**

10. Sebagai persediaan menghadapi status penuaan penduduk (aged society), satu kajian akan dijalankan bagi membentuk model Long-Term Care yang mampan dan bersepadu merangkumi penjagaan formal dan tidak formal di setiap peringkat iaitu hospital, institusi, komuniti dan rumah terutamanya penjagaan berasaskan komuniti. Model Long-Term Care bertujuan menangani peningkatan kos penjagaan kesihatan dan kebajikan kepada warga emas untuk jangka panjang. Kajian di seluruh negara ini adalah di bawah peruntukan oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan telah bermula pada bulan Mei 2019.

### **Penubuhan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Baharu**

11. Kerajaan juga akan terus memperkasakan warga emas dalam komuniti melalui penubuhan 47 buah PAWE baharu melalui peruntukan tahun 2019 sebanyak RM5 juta di bawah RMKe-11 di mana setiap PAWE berkenaan menerima bantuan berjumlah RM100,000 bagi pembaikan bangunan dan pembelian peralatan. Pertambahan ini menjadikan jumlah keseluruhan PAWE sebanyak 135 buah di seluruh negara.
12. Mesyuarat MPPWEN ini akan terus diperkasa dan menjadi platform kepada kerajaan bagi memenuhi hasrat untuk memberi pengiktirafan yang sewajarnya kepada semua warga emas di Malaysia.

Disediakan oleh:

Sekretariat Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara

Bahagian Warga Emas

Jabatan Kebajikan Masyarakat

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

27 Jun 2019